



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 20 JUN 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	CHAN: 103 PIG FARMS IN PENANG BEGIN OPERATION, NATION, KWONG WAH YIT POH -A4a	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	KOS PETANI MENINGKAT AKIBAT PANAS MELAMPAU, FORUM, UM -18	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
3.	PENANG REMOVE ASF AS NO MORE REPORTED CASES AFTER MARCH 15, NATION, SIN CHEW DAILY -8	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
4.	RASAI PENGALAMAN IBU PENYU BERTELUR, NEGARA, KOSMO -16	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
5.	HARGA SAYUR, AYAM STABIL, DALAM NEGERI, UM -34	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
6.	LKIM CADANG BAWA IKAN DARI SABAH, NASIONAL, SH -18	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
7.	KERIAN PADDY FACTORY AIMS TO PRODUCE HIGH QUALITY PADDY, NATION, SIN CHEW DAILY -8	LAIN-LAIN
8.	ILMU PENTERNAKAN, PERTANIAN DITERAPKAN DI TAHFIZ, GAYA PENDIDIKAN, UM -23	
9.	UMT DIDIK MASYARAKAT HARGAI BELANGKAS, GAYA PENDIDIKAN, UM -25	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Chan : 103 pig farms in Penang begin operation		
MediaTitle	Kwong Wah Yit Poh		
Date	20 Jun 2023	Color	Black/white
Section	Nation	Circulation	59,667
Page No	A4a	Readership	179,000
Language	Chinese	ArticleSize	73 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 343
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,029



(檳城 19 日讯) 农业及粮食安全部副部长陈泓缣指出，檳城全州目前有 103 家农场全面营运，猪只总数达 24 万 004 头，已经超出自给自足率 (SSL) 100%，足以供应全州。

“不过，目前还有 83 家农场无法取得营运执照，并已分别接到停止营运令、清空令或关闭令。”

他说，檳州兽医局将会在今年内，继续向剩余 62 家无法取得执照的农场进行检查，以确保相关农场已经采取纠正措施，符合营运标准。

陈泓缣周一联合檳州兽医局拜会檳州首席部长曹观友，共同商讨重建养猪业的课题后，发文章如此指出。

他说，檳州政府自 7 年前已经展开封闭式养猪场政策。然而，还是有一小部分猪农没有依据《檳州 2016 年养猪条例》，逐步转型为封闭式农场。

“需点出的是，现代化封闭式农场是有其必要性和成效。这也是为何尽管威北是全檳城拥有最多养猪场的县属，但该县的非洲猪瘟确诊病例却是最少的，因为威北已有 90% 转型为封闭式农场。”

他说，只有转型，才能保障粮食安全。因此，他呼吁其他猪农积极采取适当行动，确保农场运作符合所有条例和条件，以便能够第一时间恢复运作。

他说，檳州政府已于今年 6 月 7 日的檳州灾难管理委员会会议议决，非洲猪瘟 (ASF) 不再是州级灾难。

“这是因为自今年 3 月 15 日的毁猪行动后，檳城不再出现新的非洲猪瘟病例。” #

檳103养猪场全面营运 陈泓缣：足夠供应全州

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/6/2023	UTUSAN MALAYSIA	FORUM	18

Kos petani meningkat akibat panas melampau

SAUDARA PENGARANG.

FENOMENA El Nino yang sedang berlaku sekarang telah menjejaskan pertumbuhan tanaman terutama sayur-sayuran dan pokok herba.

Ada tanaman sudah mula menggugurkan daun-daunnya bagi mengurangkan kadar kehilangan air. Ada juga yang memperlambatkan pertumbuhan dengan menggulungkan daun dan daun baharu dikeluarkan bersaiz lebih kecil berbanding sebelum cuaca panas.

Lebih teruk, ada juga menjadi lemah, seterusnya sistem ketahanan tanaman tidak mampu untuk melawan penyakit yang datang.

Kemungkinan besar sekiranya keadaan semakin tidak terkawal, petani perlu menyembur racun dengan lebih kerap berbanding sebelum ini.

Hal-hal seperti ini akan meningkatkan kos pengeluaran tanaman, lebih-lebih lagi hasil tanaman berkurangan semasa musim panas. Ini sudah semestinya akan meningkatkan harga hasil pertanian di pasaran.

Oleh itu, bagi membantu tanaman ini, petani hendaklah memberikan air yang lebih semasa melakukan penyiraman dan memberikan baja daun atau penggalak untuk memperkuat mekanisme pertahanan dalam tanaman ini.

Bagi mengurangkan kehilangan air dan membantu tanah supaya lebih lama lembab, sungkupan perlulah diletakkan di sekeliling tanaman tersebut.

Sungkupan seperti sabut kelapa, daun kering, habuk kayu atau plastik penutup batas boleh digunakan bagi tujuan ini.

Dalam pada itu, antara tanaman yang sesuai semasa cuaca panas adalah bendi, terung, timun, kubis kerinting dan cili benggala. Bagi cili kegunaan harian yang biasa seperti cili kulai dan cili padi, ia adalah tidak lasak dan tidak mempunyai ketahanan kuat.

Oleh itu, penjagaan lebih rapi perlu diberikan kepada cili kulai dan cili padi terutama pada musim panas ini. Hal demikian kerana perosak tumbuhan sangat aktif ketika musim panas.

Bagi tanaman di bawah tanah pula, keledak dan ubi bit merah adalah sesuai ditanam pada musim panas tetapi perlu diberikan air secukupnya.

DR. JUJU NAKASHA JAAFAR
Universiti Putra Malaysia (UPM)



BENDI adalah antara tanaman yang sesuai ditanam semasa cuaca panas.

Headline	Penang remove ASF as no more reported cases after March 15		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	20 Jun 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	288,920
Page No	8	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	217 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,536
Frequency	Daily	PR Value	RM 19,608



课题。
友会面，共同商讨重建养猪业的
陈泓缵（左）与槟首长曹观

（槟城19日讯）农业及粮食安全全部副部长陈泓缵说，槟州政府在本月6月7日的槟州灾难管理委员会会议议决，非洲猪瘟（ASF）不再是州级灾难。

他今日发文告说，这是因为自今年3月15日的毁猪行动后，槟城不再出现新的非洲猪瘟病例。

槟103农场全面营运

“我今日中午联合槟州兽医局前往光大，礼貌拜会槟州首席部长曹观友，共同商讨重建养猪业的课题。根据槟州兽医局，槟城全州目前有103家农场全面营运，猪只总数达24万004头，已经超出自给自足率

3月15日後無新病例 檳剔除非洲豬瘟災難

（SSL）100%，足以供应全州。”

他说，不过，目前还有83家农场无法取得营运执照，并已分别接到停止营运令、清空令或关闭令。

“槟州兽医局将会在今年内，继续向剩余62家无法取得执照的农场进行检查，以确保相关农场已经采取纠正措施，符合营运标准。”

陈泓缵说，槟州政府自7年前已经展开封闭式养猪场政策。然而，还是有一小部分猪农没有依据《槟州2016年养猪条

例》，逐步转型为封闭式农场。

“须要点出的是，现代化封闭式农场是有其必要性和成效。这也是为何尽管威北是全槟拥有最多养猪场的县属，但该县的非非洲猪瘟确诊病例却是最少的，因为威北已有90%转型为封闭式农场。只有转型，才能保障粮食安全。”

他呼吁其他猪农积极采取适当行动，确保农场运作符合所有条规和条例，以便能够第一时间恢复运作。

Rasai pengalaman ibu penyu bertelur

DUNGUN – Pakej Pelancongan Pengalaman Bersama Penyu yang pernah menjadi antara tarikan utama ke Terengganu bakal diperkenalkan kembali di negeri ini tidak lama lagi.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Tengku Datuk Seri Farok Hussin Tengku Abdul Jalil berkata, konsep pakej pelancongan yang akan diberi nafas baharu berkenaan bertujuan meningkatkan kesedaran awam terhadap reptilia terancam terbabit.

Jelas beliau, pakej itu memberi peluang pelancong merasai pengalaman menyaksikan ibu penyu bertelur, terlibat dalam program sarang angkat dan menyertai acara pelepasan anak reptilia tersebut.

"Pakej pelancongan itu akan diberi suntikan baharu yang lebih peka terhadap kelestarian

alam sekitar dan komuniti setempat," katanya selepas melancarkan Kempen Penggalakan Penyu Terengganu di Rantau Abang di sini semalam.

Menurutnya, kerajaan negeri mahu memperkasa imej Terengganu sebagai destinasi ikonik penyu yang unggul di negara ini dan melancarkan melancarkan Tabung Amanah Pemuliharaan Penyu Terengganu.

"Kita telah menguat kuasa larangan penjualan telur penyu sejak 1 Jun tahun lalu dan impaknya peningkatan populasi reptilia itu mula dirasai pada tempoh singkat," katanya.

Tengku Farok Hussin berkata, sebanyak 807,315 telur penyu spesies Agar dan Karah berjaya ditetaskan pada tahun lalu berbanding 600,667 biji pada tahun 2022.



TENGGU FAROK HUSSIN (dua dari kanan) melepaskan seekor penyu agar dewasa sempena Kempen Penggalakan Penyu Terengganu di Rantau Abang, Dungun semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/6/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	34

Harga sayur, ayam stabil

KOTA BHARU: Harga bekalan barangan keperluan harian di negeri ini terutama sayur-sayuran dan ayam masih stabil tanpa kenaikan mendadak.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC), Tunjong mendapati, beberapa jenis sayur seperti sawi dijual antara RM6 hingga RM8 sekilogram (s/kg); kangkung dijual RM4 (s/kg) dan tomato dijual RM5 (s/kg) sementara ayam segar kekal antara RM9.50 hingga RM9.80 (s/kg).

Peniaga sayur, Nor Zarni Ismail, 52, berkata, setakat ini, bekalan barangan keperluan asas itu mencukupi untuk menampung keperluan pengguna.

Menurutnya, pada masa sama, harga sayur-sayuran masih stabil, namun, kebiasaannya beberapa jenis sayur yang mendapat permintaan tinggi ketika Aidiladha akan mengalami kenaikan.

"Ketika ini, harga sayur-sayuran stabil seperti timun batang dijual RM7 (s/kg); lada hijau dijual RM12 (s/kg) dan cili padi merah dijual RM16 (s/kg).

"Saya juga tidak berdepan masalah dari segi bekalan apabila ia (sayur-sayuran) mudah diperolehi daripada pihak pemborong," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Sementara itu, seorang lagi peniaga sayur, Lim Shauh Giak, 41, memberitahu, dia berharap harga akan terus stabil menjelang musim perayaan Aidiladha minggu depan.

"Setakat ini, harga beberapa jenis sayur stabil seperti kubis dijual RM4 (s/kg); lengkuas dan halia dijual RM8 (s/kg).

"Manakala beberapa sayur yang mendapat permintaan tinggi ketika Aidiladha seperti daun sup, lada merah serta cili tidak mengalami kenaikan harga," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/6/2023	SINAR HARIAN	NASIONAL	18

LKIM cadang bawa ikan dari Sabah

SHAH ALAM - Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dalam perancangan membawa masuk bekalan ikan dari Sabah ke Semenanjung.

Pengerusi LKIM, Muhammad Faiz Fadzil berkata, inisiatif itu bagi memastikan bekalan ikan mencukupi dan dapat dijual pada harga yang lebih murah dan berpatutan.

“Secara tidak langsung ia mampu menurunkan harga ikan yang semakin mahal dan mengurangkan beban rakyat.

“Pada 2019, kita (LKIM) telah usahakan perkara ini. Jadi saya telah berikan arahan untuk atasi perkara ini dengan lebih serius,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Amanat Pengerusi Lembaga LKIM pada Isnin.

Sinar Harian pada Ahad melaporkan harga ikan kegemaran rakyat antaranya kembung, selang, kerisi dikesan mengalami kenaikan sehingga melebihi 20 peratus.

Pengerusi Persatuan Nelayan Negeri Pahang, Zulkiflee Md Yusof berkata, isu kenaikan harga ikan yang berlaku itu berpunca daripada beberapa faktor antaranya musim kekurangan hidupan laut, cuaca dan pemanasan global.

Dalam pada itu, Muhammad Faiz berkata, kekurangan bekalan ikan adalah disebabkan faktor bulan penuh sehingga menyukarkan bot-bot nelayan yang menggunakan pukot jerut turun ke laut.

“Kenaikan harga ikan tidak boleh dikawal kerana ia bergantung kepada situasi dan juga bekalan,” katanya.

Headline	Kerian paddy factory aims to produce high quality paddy		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	20 Jun 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	288,920
Page No	8	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	641 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 19,307
Frequency	Daily	PR Value	RM 57,921



吉黎县的稻米收割季节才开始，传出稻谷收购价高开，中介代理与米较业者向农民抢购稻谷。

歉收致庫存低

吉肇米較廠高價搶稻穀

報章 攝影 李發聯

(吉黎19日讯)作为全国第3大产稻区的霹州吉黎县，稻米收割季节开始了，由于本地米较厂与米商面对库存偏低及稻米歉收情况，米较厂收购代理纷纷提高稻谷收购价以向农民抢购稻谷。

但另一方面，白米批发价却无法提高，农业与粮食安全部于6月16日来信吁米较业者只能以每吨白米2250令吉卖给批发商，批发商也只能以每吨白米2540令吉卖给零售商。

政府规定，米较厂收购代理向农民购买稻谷的价格，不能低于每吨1200令吉，现在收购价已开出每吨1350令吉，有者还开出1400令吉高价。下露雳冷甲水闸区的稻米品质较高，在上个月收割时，收购价曾传出1500令吉每吨。

吉肇威南仅剩6民间米较厂

吉黎县的产稻区占地超过2万公顷，稻农人数超过1万名。吉黎县与威南区如今仅剩6家民间米较厂，另一家则为国家稻米子公司的米较厂。

本地稻米歉收，产量减少，做为全国其中主要生产区的吉黎县，也面对着产量逐年减少的问题。其中因素包括气候变化、病虫害增加、水源不足、谷种品质，一些耕地收成不好，年轻后辈不接手，还有一些稻田地被转换为住宅花园、改种油棕等因素。

零售商：本地米短缺 消费者或被逼買進口米

本报记者到市场一家零售商巡访各类白米的销售情况，在20多个牌子中，售价被管制的本地白米牌子占不到10%。

零售商说，最近他们订购本地白米200包，批发商只配给50包，如果这情况持续，消费者可能买不到本地米，被逼买高价的进口米。

零售商说，有关本地米短缺的问题是最近2个月才发生，他们也不清楚为何本地米会短缺。



一些米较业者的稻谷库存只剩少许，若收购不足，恐影响生产。



江联时：收购价有提高，对农民是好事。

稻農：天氣轉熱 病害增致歉收

角头稻农江联时受询时说，这一季的稻米收割季节刚开始，各代理或米较业者纷纷开出高价收购稻谷，由于收成不是很理想，相信大家怕没稻谷生产白米，所以提高收购价。

“这一季天气转热，加上稻米的病害增加，令收成歉收。一般的稻米收割期约一个月，从播种至收成，稻米种植期介于110天左右。”

他说，作为农民，当然是希望收购价越高越好。

农民高兴有高价卖，但米较厂业者却苦笑哈哈。

米較廠：稻穀收購價升 白米批發價卻不能提高

吉黎县米较厂业者说，上季稻谷收购价是每吨约1250令吉，都只能勉强维持，如今收购价直上，而白米批发价却不能提高。

这令他们陷入两难，不以高价收购，就没米生产，高价收购则肯定亏损。这种局面若持续下去，恐导致民间米较厂无法生存，面临倒闭危机。

米较业者希望政府提高本地白米售价，本地白米已15年没涨价，维持在1公斤2令吉60仙，但各项成本则不断增加，包括人工、机械维修、运输费等。

他们指出，大集团米较厂业者拥有进口白米执照、谷种执照，加上政府等多项津贴，而民间米较厂业者只能生产，其他的都不能做，他们叹息已苦撑了数十年，前景茫茫。

業者：統制價白米或短缺


不愿具名的米较厂业者受访时说，随着成本增加，本地米的产量也会减少，最后市场上的统制价白米，恐会面对货源短缺问题。

“进口白米却受影响，因统制价白米1公斤顶价2令吉60仙，进口白米则不受管制，可以卖超过2令吉60仙。”

米较厂业者指出，他们本来的库存多，能维持半年的生产，但最近许多地区的稻米疑因气候变化，热潮来袭，影响了稻米产量，造成规模较大的米较业者四处抢稻谷，不然无法供应国内市场。

“这也导致区内的小规模米较业者的库存不增反减，几乎都清库了，业者需在本季的稻米收割季节增库存，但却对其他业者提高收购价抢购。”

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/6/2023	UTUSAN MALAYSIA	GAYA PENDIDIKAN	23



PELAJAR tekun mengikuti salah satu silibus pendidikan di madrasah tersebut. - ARRADHI & IKMAL



ZARIF Darwis (kiri) bersama rakannya memberikan makanan kepada kambing yang ditanak di Madrasah An-Nuur (MAN).

Oleh MOHAMAD HAFIZ YUSOFF BAKR
hafiz.yusoff@mediamulla.com.my

Ilmu penternakan, pertanian diterapkan di tahfiz

MASIH ada masyarakat kita berpandangan pusat tahfiz hanya tempat melahirkan penghafal al-Quran atau mereka yang mahu memberi fokus dalam bidang ilmu agama.

Paling menyedihkan, pelajar pusat tahfiz sering dituduh tidak mempunyai masa depan dan institusi itu bukan tempat untuk golongan profesional.


Bagaimanapun, tanggapan tersebut sebenarnya silap dan kini sudah ramai ibu bapa yang mahu menghantar anak-anak menuntut ilmu di pusat berkenaan.

Hal itu kerana pusat tahfiz bukan sahaja menyediakan silibus pendidikan agama, tetapi turut mendedahkan pelajar dengan pelbagai ilmu kemahiran hidup lain antaranya penternakan dan pertanian.

Pendekatan itu diterapkan di Madrasah An-Nuur (MAN) di Johor yang kini mempunyai lebih 80 pelajar.

Pengasasnya, Noor Effendi Hamid berkata, pelaksanaan silibus ilmu kemahiran hidup dilihat penting untuk memastikan pelajar mampu berdikari dan dapat memberi keseimbangan antara ilmu dunia serta akhirat.

Menurutnya, pelajar di pusat tahfiz itu boleh memilih bidang lain berdasarkan minat sama ada untuk membantu penternakan kambing, bercucuk tanam, menternak kelulut atau dalam



NOOR Effendi (kanan) bersama pelajar tahfiz melihat kaedah mendapatkan madu dari salah satu sarang kelulut baru-baru ini. - ARRADHI & IKMAL

bidang kimpalan besi sebagai sebahagian silibus mereka selain subjek berkaitan pendidikan agama Islam.

"Semua pelajar di sini sudah ada jadual harian mereka sendiri, biasanya pada waktu petang mereka membantu di kebun dan juga bertugas di kandang kambing."

"Kalau mereka tidak berminat dalam kedua-dua bidang ini, pelajar turut diajar untuk berniaga kecil-kecilan. Mereka bebas untuk menentukan minat sendiri," katanya kepada Utusan Malaysia baru-baru ini. Madrasah An-Nuur yang terletak di Parit Sekoyan Laut, Kesang Laut, Muar mempunyai ladang seluas 0.80 hektar yang diusahakan sejak 2013.

Ladang milik madrasah itu memiliki beberapa hasil tanaman lain antaranya jambu batu, ternakan kelulut dan kandang yang menempatkan lebih 60 ekor kambing.

Tambah Noor Effendi, pusat tahfiz itu turut mewajibkan para pelajar menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan memastikan mereka mencapai keputusan yang baik.

"Kita mahu melahirkan peguam, doktor, arkitek, juruterbang dan golongan

profesional yang tidak dipisahkan dengan ilmu agama dan al-Quran," jelasnya.

Sementara itu, seorang pelajar, Zarif Darwis Muhd. Zaki, 15, teruja dapat membantu kerja-kerja di ladang kerana mempunyai minat mendalam terhadap bidang penternakan.

"Sejak kecil saya membantu ayah menguruskan lembu-lembeu dan saya seronok kerana dapat meneruskan minat saya di sini."


"InsyaAllah mungkin satu hari nanti saya boleh menjadi penternak berjaya," ujarinya.

Bagi Guru Penolong Kanan 1 madrasah itu, Muhammad Firdaus Ismail berkata, sebanyak 40 pokok rock melon ditanam secara fertigasi selain cili.

"Kami bercadang untuk menanam lebih 1,000 pokok rock melon lagi selepas ini di samping akan memulakan penternakan ikan keli."

"Pada peringkat awal, ikan-ikan ini akan digunakan untuk memenuhi keperluan di madrasah dahulu sebelum boleh dipasarkan ke tempat lain," ujarinya.

Madrasah An-Nuur turut dilawati pelbagai pihak termasuk Jabatan Pertanian dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar bagi melihat dan membantu projek berkaitan.



3 domain ini memainkan peranan dalam mengurangkan jejak karbon.

Oleh kerana itu, beberapa mesyuarat perlu dilaksanakan secara tidak dirancang, semata-mata untuk memastikan kesan 'salah komunikasi' dapat diperbetulkan kembali.

Anda boleh membuat pengiraan kos tenaga elektrik yang diperlukan akibat senario tersebut. Anda juga pernah melalui senario yang sama di tempat kerja.

BUDAYA VCTF BANTU KURANGKAN JEJAK KARBON

Apa usaha kita untuk mengatasi masalah ini? Pembudayaan keupayaan VCTF menjadi keperluan kepada organisasi untuk mengurangkan jejak karbon.

Keupayaan ini memberikan kelebihan kepada setiap staf untuk berkomunikasi secara visual spontan dengan lebih efektif. Organisasi perlu membuat perancangan strategik untuk mengupayakan setiap staf dengan VCTF.

Mereka perlu dilatih secara formal untuk pengetahuan, teknik dan aplikasi VCTF. Mereka perlu dilatih untuk menguasai keupayaan

visualisasi (Visualization Through Freehand).

Manakala dengan memperoleh pengetahuan VCTF akan membolehkan mereka mewujudkan visual grafik mudah dan senang difahami oleh kumpulan sasaran.

Aplikasi VCTF pula akan membantu meringkaskan visual grafik untuk menjadikan penyampaian komunikasi visual spontan lebih berkesan.

Organisasi harus memulakan langkah membudayakan VCTF dikalangan staf-staf supaya mereka boleh menyokong usaha mengurangkan jejak karbon.

Hal ini hanya boleh berlaku jika staf-staf diberikan latihan atau kursus berkaitan VCTF secara formal.

Selain daripada itu, pembudayaan VCTF membolehkan inisiatif ESG dalam sesebuah organisasi akan menjadi lebih efisien.

Kepada sesiapa yang berminat untuk mengetahui lebih lanjut tentang kursus Visual Communication Through Freehand (VCTF) ini, boleh layari <https://forms.gle/muf7sGRY2gx2uvJT6> atau scan QR code yang disediakan.

UMT didik masyarakat harga belangkas

BELANGKAS adalah haiwan prasejarah atau dikenali sebagai haiwan fosil yang telah wujud sejak 200 juta tahun dahulu dan masih kekal membiak sehingga ke hari ini.

Ia hanya mempunyai empat spesies di dunia iaitu Limulus Polyphemus (L.p) Tachypleus Tridentatus (T.t), Tachypleus Gigas (T.g), dan Carcinorcorpius Rotundicauda (C.r).

Malaysia sangat bertuah kerana memiliki tiga daripada empat spesies belangkas di dunia iaitu T.t, T.g dan C.r. dan dua daripada tiga spesies belangkas ini (T.g dan C.r) terdapat di perairan Kemaman, Terengganu khususnya di Kuala Kemaman. Manakala L.p pula hanya terdapat di Amerika Utara.

Bersempena dengan sambutan Hari Belangkas Sedunia yang telah ditetapkan pada 20 Jun setiap tahun, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) mengambil inisiatif menganjurkan program "Jom Lepas Anak Belangkas".

Menurut Ketua Projek, Prof. Dr. Noraznawati Ismail, penganjuran itu merupakan salah satu aktiviti dalam Projek Translasiional Belangkas UMT 2021/2022 yang akan memenuhi carta perbatuan ke-3 (M3- Peneluran, penetasan dan pelepasan belangkas juvenil) dan carta perbatuan ke-4 (M4- Melahirkan 10 jurupandu belangkas bermodul dalam ikalangan komuniti setempat untuk produk CBT belangkas di Kemaman).

"Kita berjaya melepaskan sejumlah 1,469 benih

belangkas di perairan Kemaman, Terengganu sebagai langkah memastikan hidupan itu terus wujud dan kekal lestari.

"Program ini dijadikan acara tahunan dalam melestarikan populasi belangkas khususnya di Kemaman. Tambahan pula, program ini dijadikan aktiviti tahunan bagi menyokong sambutan Hari Belangkas Sedunia yang telah ditetapkan pada 20 Jun setiap tahun oleh International Union for Conservation of Nature (IUCN) yang dianggotai oleh beberapa buah negara seperti Malaysia, Jepun, Amerika Syarikat, Indonesia, India dan lain-lain.

"Fokus kita juga untuk melahirkan jurupandu belangkas bermodul dan bagi tujuan itu, kita telah melibatkan komuniti dan pelajar sekolah untuk diberi pendedahan khusus berkaitan haiwan ini dan usaha ini bagi memastikan populasi haiwan fosil yang unik ini semakin bertambah dan kekal wujud di perairan Kemaman khususnya dan Malaysia amnya.

Program itu turut mendapat perhatian kira-kira 150 sukarelawan yang terdiri daripada gabungan persatuan dan NGO seperti Pejabat Pendidikan Kemaman, Jabatan Pelancongan Negeri Terengganu, Persatuan Pemandu Pelancong Terengganu, Geng Plastik Ija (GPI) Keroh Kemaman dan lain-lain.

Tambah Dr. Noraznawati, program itu juga disifatkan sebagai titik permulaan bagi aktiviti tarikan pelancong

dalam kalendar pelancongan negeri Terengganu melalui usaha sama kerajaan negeri Terengganu dalam memperkenalkan belangkas sebagai produk baharu Pelancongan Berasaskan Komuniti (CBT) daerah Kemaman dan seterusnya menjadikan

Hatcheri Belangkas UMT Kuala Kemaman (HBUKK) sebagai Lokasi Pelancongan Berasaskan Komuniti (CBT) yang ke-7 di daerah Kemaman.

Pusat pemuliharaan belangkas, Hatcheri Belangkas UMT Kuala Kemaman (HBUKK) telah dibangunkan oleh UMT di bawah Projek Translasiional Belangkas UMT-KPT sejak tahun 2019 dan telah berfungsi sepenuhnya pada 20 Jun 2020.

HBUKK menjadi pusat pemindahan ilmu berkaitan belangkas yang pertama di Pantai Timur Semenanjung Malaysia yang dikelolakan oleh Kumpulan Penyelidikan Belangkas UMT (HCRG) yang diketuai oleh pakar belangkas di Institut Bioteknologi Marin, UMT iaitu Prof. Dr. Noraznawati Ismail dan lima penyelidik lain. HBUKK telah dilawati lebih hampir 1,000 orang dikalangan komuniti setempat, pelancong tempatan dan luar negara yang datang untuk melihat, menyentuh serta mengetahui fakta sebenar tentang belangkas.

Dr. Noraznawati berkata, Belangkas akan datang bertelur di sepanjang Pantai Telaga Simpul apabila tiba musimnya iaitu pada bulan Mei hingga Oktober.



PROGRAM 'Jom Lepas Anak Belangkas' di Kemaman, baru-baru ini.